

Jenis Akhbar : Berita Harian

Tarikh : 09/03/2026

Edisi / Muka Surat : www.bharian.com.my

Tajuk : ANGKASA, Optimax Perluas Rawatan Mata Kepada Lebih Tujuh Juta Anggota Koperasi

ANGKASA, Optimax Perluas Rawatan Mata Kepada Lebih Tujuh Juta Anggota Koperasi



Che Mohd Shukree (dua dari kiri) bertukar dokumen MoU bersama Sing Yee (dua kanan) dalam satu majlis di Kuala Lumpur, hari ini.

KUALA LUMPUR: MyANGKASA Holdings Sdn Bhd (MHSB), anak syarikat milik penuh Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Bhd (ANGKASA), memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Optimax Eye Specialist Centre (Optimax) bagi memperluaskan akses rawatan kesihatan mata kepada lebih tujuh juta anggota koperasi serta ahli keluarga mereka di seluruh negara.

Kerjasama itu membolehkan anggota koperasi mendapatkan rawatan dan prosedur kesihatan mata menerusi kemudahan Sistem Potongan Gaji ANGKASA, sekali gus membantu meringankan beban kewangan untuk mendapatkan rawatan berkualiti.

Majlis pemeteraian MoU itu hari ini disaksikan Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Datuk Mohamad Alamin.

Turut hadir Presiden ANGKASA, Datuk Seri Dr Abdul Fattah Abdullah serta Timbalan Pengerusi Eksekutif Optimax Holdings Bhd, Tan Sri Dr Tan Boon Hock.

MoU ditandatangani Naib Presiden ANGKASA merangkap Ahli Lembaga Pengarah MHSB, Datuk Che Mohd Shukree Che Isa dan Ketua Pegawai Eksekutif Optimax Eye Specialist Centre, Sandy Tan Sing Yee.

Menerusi kerjasama itu, anggota koperasi serta tanggungan keluarga mereka boleh mendapatkan rawatan kesihatan mata secara lebih terancang melalui mekanisme potongan gaji yang sistematik.

Inisiatif berkenaan juga dijangka menjadi antara program akses rawatan kesihatan mata terbesar di Malaysia, dengan liputan 24 cawangan Optimax di seluruh negara termasuk di Sabah dan Sarawak.

Presiden ANGKASA, Datuk Seri Dr Abdul Fattah Abdullah, berkata kerjasama berkenaan mencerminkan komitmen gerakan koperasi dalam memperluaskan akses kepada perkhidmatan kesihatan berkualiti kepada anggotanya.

"Melalui kerjasama ini, anggota koperasi bukan sahaja berpeluang mendapatkan rawatan mata menggunakan teknologi terkini, malah boleh melakukannya menerusi kaedah pembayaran yang lebih fleksibel melalui sistem potongan gaji ANGKASA.

"Inisiatif ini juga mencerminkan peranan koperasi sebagai institusi ekonomi rakyat yang bukan sekadar menjana keuntungan, tetapi turut menjaga kebajikan serta kesejahteraan anggota dan keluarga mereka," katanya kepada media selepas majlis pemeteraian MoU itu.

Optimax yang ditubuhkan lebih 31 tahun lalu adalah antara pusat rawatan refraktif mata terawal di Malaysia yang menawarkan rawatan pembedahan rabun menggunakan teknologi oftalmologi terkini.

Selain rawatan pembedahan rabun, pusat itu turut menyediakan rawatan bagi katarak, glaukoma, retinopati diabetik serta pelbagai gangguan penglihatan lain.

Kerjasama berkenaan turut memperkukuh portfolio perniagaan strategik MHSB selain memperluaskan manfaat sosial kepada anggota koperasi.

Dalam perkembangan berkaitan, peningkatan kes rabun dan masalah penglihatan dijangka terus mendorong permintaan terhadap rawatan mata berkualiti.

Inisiatif berkenaan diunjurkan menyumbang antara 20 hingga 30 peratus kepada pertumbuhan perniagaan Optimax, selain meningkatkan kesedaran mengenai penjagaan kesihatan mata dalam kalangan anggota koperasi.